

04/12/1998

RM400: Jumlah kecil tetapi bermakna

BANTUAN kewangan RM400 seorang kepada kira-kira 847,000 kakitangan awam yang diumumkan Perdana Menteri kelmarin bagi menampung perbelanjaan sekolah anak-anak dan keperluan lain, mungkin adalah satu jumlah yang kecil bagi sesetengah orang. Bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi yang gawat sekarang sebarang bantuan, sekalipun kecil, membawa makna besar kepada mereka yang sangat memerlukannya. Setidakpun, ia menyejukkan hati kumpulan penerima bahawa mereka tidak bersendirian dalam menghadapi pahit getir suasana yang amat mencabar sekarang. Sekurang-kurangnya mereka mengetahui bahawa kerajaan sentiasa bersama-sama mereka untuk meringankan beban yang terpaksa dipikul.

Sebenarnya jika kita meneliti langkah yang diumumkan kerajaan sejak krisis ekonomi bermula lebih setahun lalu banyak yang sudah dilaksanakan untuk meringankan beban rakyat. Langkah-langkah ini mungkin tidak diheboh-hebohkan oleh media atau tidak dirasai secara terus oleh masyarakat tetapi ia tetap meninggalkan kesan yang besar kepada rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Sebagai contoh, apabila sekolah bermula semula bulan depan lebih ramai lagi murid akan layak mendapatkan pinjaman buku teks. Ini berikutan had kelayakan bagi skim pinjaman buku teks sekolah baru-baru ini dinaikkan daripada ibu bapa yang berpendapatan RM1,000 sebulan ke bawah kepada RM1,500 ke bawah. Bantuan seperti ini, walaupun tidak berupa wang ringgit, tetap mengurangkan beban perbelanjaan ibu bapa. Banyak lagi langkah yang sudah diambil kerajaan seperti mengawal kenaikan harga barangan yang menjadi keperluan kepada pengguna.

Selain itu langkah-langkah pelonggaran dasar kewangan negara yang dilaksanakan sejak September lalu juga banyak membantu mengurangkan beban rakyat, meskipun ia tidak diterima secara terus menerus. Umpamanya usaha Bank Negara untuk mempengaruhi penurunan kadar asas pinjaman (BLR), sudah banyak melegakan syarikat yang sebelum ini menanggung kos pembayaran hutang yang tinggi. Berikutan langkah itu, banyak syarikat kini termasuk syarikat kecil dan sederhana mampu berasa lega dan berupaya meneruskan perniagaan masing-masing. Tanpa langkah sedemikian, syarikat-syarikat seumpama itu mungkin terpaksa mengurangkan kos masing-masing termasuk pembuangan pekerja atau pun terus gulung tikar.

Penurunan BLR itu juga secara terus menerus memberi manfaat kepada pengguna kerana pembayaran balik pinjaman kini sudah dapat dikurangkan. Sebelum dasar kadar faedah yang lebih rendah itu diamalkan bayaran ansuran bulanan sudah meningkat agak tinggi sehingga banyak menghakis pendapatan boleh belanja pengguna. Selain itu, penurunan kadar bayaran balik kad kredit daripada 15 peratus sebulan kepada lima peratus, turut memberi kesan ketara kepada rakyat. Bagaimanapun, penurunan itu diharapkan tidak menggalak perbuatan berbelanja secara tidak berhemat di kalangan rakyat.

Seperkara yang wajar diberi perhatian dan membanggakan ialah kesediaan kesatuan sekerja memahami situasi ekonomi negara dan memutuskan untuk tidak mengambil pendekatan mendesak kerajaan memberi bonus tahunan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengakui hakikat ini dan seterusnya merakamkan penghargaan kerajaan terhadap kesatuan sekerja yang tidak mengadakan mogok atau tuntutan yang bukan-bukan sepanjang negara mengalami krisis kewangan sejak 16 bulan lalu. Sikap bertolak ansur sedemikian menggambarkan kematangan hubungan antara pekerja dan majikan, yang dalam kes ini adalah kerajaan sendiri, dalam mewujudkan keharmonian

perindustrian.

Ia turut mencerminkan peringkat kematangan kepemimpinan kesatuan sekerja yang tidak mengambil sikap meniru secara membuta-tuli badan serupa di beberapa negara maju yang mengadakan mogok apabila tuntutan mereka tidak dipenuhi sehingga boleh melumpuhkan perkhidmatan utama. Sesungguhnya sikap kesederhanaan dan bertanggungjawab pekerja demikian inilah yang perlu dianuti semua badan pekerja. Keprihatinan pekerja terhadap masalah yang dihadapi pengusaha dalam keadaan ekonomi gawat amat penting bagi menentukan daya saing sesuatu perusahaan. Dengan adanya persefahaman dan kerjasama erat demikian majikan juga sudah tentu boleh membalas sikap positif pekerja dalam melayani tuntutan munasabah mereka apabila keadaan pulih, mengikut kemampuan sesuatu perusahaan atau syarikat.

(END)